

KOSMO - 21/5/2016

Eseri Unisza raih tiga pingat emas pada ITEX 2016

HEBAT. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Terengganu berjaya memenangi tiga pingat emas dalam pertandingan Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi

Antarabangsa (ITEX) 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Pengarah Eseri, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, tiga pingat emas itu diperoleh menerusi tiga produk inovasi yang

dihasilkan sepenuhnya oleh penyelidik Eseri iaitu bot pintar (iBoat), aplikasi telefon pintar Easy Qibla dan teknologi pembersihan kolam akuakultur yang menghasilkan makanan ikan (MoreElla).



SEBAHAGAN penyelidik Eseri Unisza bergambar selepas meraih kejayaan pada pertandingan ITEX 2016 di KLCC, Kuala Lumpur baru-baru ini.